

*Abdul Ghani Bin Shamaruddin*

## UNDANG LUAK JELEBU ADAT PERTABALAN

'Sah Raja dikerjan;  
Sah Undang ditabal.'

Apabila seorang Undang itu telah dilantik menyandang pusaka itu maka lantikan itu belumlah cukup sah (dalam artikata adat) selagi istiadat tabalnya belum dijalankan. Ini adalah mengikut adat istiadat yang telah turun menurun. Istiadat tabal itu adalah penerimaan dan pengesahan lantikan dari seluruh penduduk luak itu tetapi lantikannya cuma dari golongan yang tertentu sahaja.

Oleh itu maka istiadat tabal itu adalah mustahak buat memutuskan bahawa lantikan itu adalah muktamad dan tiada boleh disangkal lagi, kecuali jikalau orang yang menyandang pusaka itu melanggar satu2 tata-tertib adat. Setelah diadakan istiadat tabal itu maka orang yang dipilih untuk menyandang pusaka itu adalah menjadi Undang yang sah bagi luak tersebut. Tentang kedudukan Undang itu Perbilangan berkata:

'Se-kecil2 anak-buah, se-besar2 Undang.'

Tiadalah orang lain yang mengatasi kuasa Undang itu.

Sungguh pun Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan itu adalah tumpuk keadilan (fountain of justice) mengikut perlombagaan Adat Negeri Sembilan, tetapi baginda tidak berkuasa didalam sesuatu luak itu, kecuali dalam perkara yang luak itu sendiri tiada dapat memutusinya. Ini adalah karena jabatan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan itu adalah baru diadakan yaitu dengan persetujuan Undang Yang Empat — Undang Luak Sungay Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Rembau dan Undang Luak Johol. Maka dengan ini sahnya lantikan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan itu adalah dengan persetujuan sebulat suara dari keempat2 undang itu.

Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi akan adat istiadat tabal yang telah diadakan pada 29 sampai 31 haribulan Juli 1957 yang lalu di Telaga Undang, Kampung Teriang, Jelebu, maka eloklah terlebih dahulu diterangkan

disini serba sedikit berkenaan dengan Adat dan Perlembagaan Luak Jelebu itu.

"Hidup dikandung adat;  
Mati dikandung bumi."

Adat (dalam rangkayan kata Adat Perpatih) adalah satu istilah yang, pada hari ini, selalu memberi tafsiran maksudnya yang mengelirukan. Ini adalah karena istilah itu sendiri mempunyai maksud yang amat luas. Dengan ini maka beberapa perkara yang berbau satu daripada unsurnya adalah dipanggil adat. Misalnya istilah adat itu telah dan sedang digunakan orang untuk memaknakan tabiat atau kebiasaan. Oleh sebab itu maka tergamaklah sebahagian orang menukar perkataan perbilangan yang dihormat oleh orang tua2 itu

"Biar mati anak, jangan mati adat"

kepada

"Biar mati adat, jangan mati anak."

Adat, (dalam Adat Perpatih artikatanya yang sebenar (bukan maknanya) adalah suatu kumpulan undang2 (jikalau boleh dipanggil undang2) yang tiada bertulis tetapi diterima dengan baik oleh seluruh anggota masyarakat itu sendiri. Janya adalah kumpulan perbilangan yang telah diturunkan dengan perantaraan mulut dari ibu kepada anak semenjak beberapa kurun. Adat2 ini, yang mengawal gerak geri dan tata-tertib masyarakat itu, adalah berdasarkan undang2 alam (Laws of Nature) dan sifat perangay manusia.

Seorang ahli ilmu jiwa dan juga pilsapah dari bangsa Inggeris, bernama Thomas Hobbes, pernah mengatakan bahawa manusia itu adalah pada mula asalnya berkelakuan kasar dan semula jadinya bersifat tamak. Tetapi apabila mereka telah mula berkediaman didalam suatu kumpulan atau masyarakat maka dengan sendirinya mereka menyerahkan kebebasan mereka itu kepada suatu badan yang diberi kuasa penuh, yaitu Kerajaan. Kerajaan itu adalah bertanggung jawab untuk menjaga keselamatan dan keadilan terhadap diri mereka. Sebaliknya pula mereka adalah berkewajipan untuk menurut segala perintah kerajaan itu. Ini adalah selari, jikalau tiada bersamaan, dengan maksud adat itu.

Adat itu adalah kepunyaan seluruh masyarakat itu. Oleh sebab itu maka seseorang itu tiadalah boleh berbuat sekehendak hatinya sendiri. Mereka terpaksa menurut kehendak adat itu jikalau mereka ingin hidup didalam masha-

rakat itu. Memandang kepada betapa pentingnya adat kepada masharakat itu maka orang2 dulu kala rela mengurangkan anak kandungan mereka sendiri jikalau anak telah melanggar adat. Ini adalah didapati dari perbilangan yang diatas tadi

“Biar mati anak, jangan mati adat.”

Adat adalah menjaga ketenteraman masharakat itu; tetapi anak itu (jikalau berjiwa tanggung-jawab) menjaga ketenteraman ibu bapanya sahaja. Oleh mementingkan masharakat daripada diri sendiri maka orang2 dulukala rela memutuskan tali jantung mereka agar jangan perbuatan itu merusakkan masharakat seluruhnya seperti kata kiasan

“Sebab nilai setitik rosak susu sebelanga.”

“Lain lubuk lain ikan;

Lain padang lain belalang.”

Adat Perpatih yang dipakay oleh kebanyakan daripada penduduk2 Negeri Sembilan dan juga sebagian daripada negeri Melaka adalah berasal dari tanah seberang—Sumatera. Ini adalah dibawa oleh nenek moyang mereka yang mula2 membuka negeri ini. Oleh lamanya perpisahan itu berlaku maka adat2 yang didapati dikedua-kedua wilayah ini adalah banyak perbedaannya. Ini adalah disebabkan oleh masa dan keadaan disekelilingnya. Bukan sahaja perbedaan itu didapati diantara Sumatera dan Malaya bahkan di Malaya sendiri ada perbedaan itu, terutama diantara daerah2 yang memakay Adat Perpatih itu sendiri.

Perbedaan ini bukanlah pada dasarnya tetapi adalah pada pembawaannya adat itu. Ini mengikut sama ada adat itu dikeraskan atau dilonggarkan kegunaannya. Ini dapat dilihat dari beberapa perkara berkenaan dengan adat itu yang dibawa kehadapan mahkamah. Di Jelebu sendiri adat itu tiadalah begitu dikeraskan seperti yang diperbuat di Rembau misalnya. Ini adalah karena datuk2 yang berkenaan (tali adat dan pusaka) tiada memaksa anakbuahnya. Mereka cuma menasihatkan anakbuahnya dalam perkara adat agar jangan terjadi beberapa perkara yang tiada diingini. Dengan ini maka di Jelebu tiadalah begitu perkara yang bersangkutan dengan adat itu dibawa kehadapan mahkamah. Juga perpecahan keluarga jarang benar jikalau ada pun berlaku.

Ada pun maksud yang utama didalam Adat Perpatih itu ialah ketenteraman keseluruhannya. Ini meliputi dari keluarga sampai kepada seluruh negeri. Oleh itu maka hendaklah orang yang membawa Adat Perpatih itu beringat

jangan pembawa adat itu mengakibatkan perpecahan keluarga dan permusuhan. Sebab itulah maka selalu didapati bahwa beberapa perkara telah berjalan dengan baiknya dengan tiada mengikut adat yang sebenar! Ini adalah berdasarkan perbilangan yang berbunyi,

"Bulat ayer dek pemetung;  
Bulat manusia dek muapakat."

Muapakat adalah dasar yang utama bagi sesuatu adat itu. Jikalau tidak muapakat masakan adat itu (dalam perkara ini undang2 juga) boleh dijalankan. Untuk mengelakkan beberapa perkara yang tiada diingini berlaku akibat dari pembawaan adat itu maka orang2 dahulu kala telah membekalkan beberapa perbilangan untuk menjadi pedoman dalam menyelesaykan yang kusut dan menjernihkan yang keruh seperti yang dikatakan diatas.

"Dianjak layu, dianggur mati."

Adat Perpatih itu adalah adat saka — adat yang mengikut keturunan dari sebelah ibu. Dengan ini maka si-anak itu adalah mewarisi si-ibunya bukan si-bapa. Mengikut pendapat ahli penyiasat kejadian manusia bahwa masharikat yang demikian adalah kuno dan telah dialami oleh daerah2 lain yang telah temadun semenjak beberapa kurun terdahulu. Tetapi mengapa adat yang sedemikian kuno dapat berleluasan didalam masharikat yang sentiasa mengalami pengaruh2 moden? Ini adalah satu soalan yang sangat membingungkan kebanyakan orang dihari ini. Ini adalah karena mereka sendiri tiada begitu paham akan seluk beluk Adat Perpatih itu. Dan juga mereka tiada dapat menempatkan diri mereka kedalam jiwa orang2 yang membawa adat itu sendiri. Kebanyakan nilayan yang diberikan oleh mereka terhadap adat itu adalah berdasarkan kepada diri mereka sendiri bukan kepada keadaan perkara yang sebenar, yaitu, masharikat itu sendiri. Jikalau sesuatu perkara itu dinilai 'baik' ditanah Arab masakan perkara itu mendapat nilayan yang sama di Tanah Melayu pula. Demikian juga dalam beberapa penghargaan yang diberi kepada sesuatu benda itu. Kebaikan sesuatu benda itu bukanlah mutlak (absolute) tetapi adalah perbandingan sahaja (relative).

Seperti yang telah diterangkan diatas tadi bahwa maksud yang utama dalam Adat Perpatih itu ialah ketenteraman. Dengan maksud ini maka adat itu telah dapat mengatasi beberapa kesulitan hidup dunia moden ini. Juga adat itu telah menyelamatkan masharikat itu daripada beberapa ancaman dan bahaya yang berbangkit daripada penga-

ruh kebendaan (materialism) dan kekejaman masharakan moden. Sampay disini memadailah untuk penerangan yang ringkas berkenaan dengan ujudnya Adat Perpatih itu di-dalam dunia sekarang yang serba moden.

"Alam beraja, Luak berpenghulu;  
Suku bertua, anak buah beribu-bapa."

Seperti kerajaan yang telah ada didalam dunia ini Adat Perpatih juga mempunyai perlembagaannya sendiri. Ini adalah mengikut dasar adat saka yang tersebut diatas tadi.

Sungguh pun dasar adat yang dipakay diseluruh Negeri Sembilan dan sebagian daripada negeri Melaka itu sama tetapi perlembagaannya adalah berbeda. Ini mengikut tempatnya. Di Jelebu suatu badan yang dipanggil "Tiang Balay" tidak ada seperti yang didapati didalam Luak yang lain itu. Badan yang serupa dengan ini adalah dipenuhi oleh 'Orang Lapan' ataw 'Datuk Lapan': Datuk yang Lapan ini adalah tua bagi suku2 dan waris2 yang mula2 didapati didalam Luak Jelebu itu. Mereka itu adalah:

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| 1. Datuk Menteri Sah<br>Memangku Alam Raja<br>Sehari 8 |                          |
| 2. Datuk Mengiang Merah Bangsa                         | Lembaga Suku Mungkal     |
| 3. Datuk Cincang Maharaja Lela                         | Lembaga Suku Tanah Datar |
| 4. Datuk Senara Angsa                                  | Lembaga Suku Batu Belang |
| 5. Datuk Umbi Pangkal<br>Maharaja Lela                 |                          |
| 6. Datuk Raja Balang                                   | Waris Ulu Jelebu         |
| 7. Datuk Paduka Menteri                                | Waris Sarin              |
| 8. Datuk Maharaja Inda                                 | Waris Kemin              |

Selain daripada datuk yang lapan ini ada beberapa datuk lain yang menjadi tua bagi kumpulan mereka pula seperti

- |                        |  |
|------------------------|--|
| 1. Datuk Amar Penghulu | Lembaga Suku Biduanda, Ulu Klawang (dahulunya termasuk dalam lingkungan Luak Sungay Ujung) |
| 2. Datuk Lela Angsa    | Lembaga Suku Tiga Batu (bekas 'ayer kaki' Yamtuan Ulu Klawang).                            |

### 3. Datuk Shahbandar

Lembaga Suku Mungkal, Waris di Ayer

Tambahan gelaran Datuk Shahbandar itu adalah 'pucuk bulat Waris di Ayer, tumpuan segala dagang.' Dengan ini maka adalah beberapa datuk yang mewakili beberapa kumpulan orang dagang dibawahnya seperti

- |                       |                       |
|-----------------------|-----------------------|
| 1. Datuk Sura         | Tua orang Rembau      |
| 2. Datuk Sati         | Tua orang Pilah       |
| 3. Datuk Muda         | Tua orang Pahang      |
| 4. Datuk Ampat        | Tua orang Minangkabau |
| 5. Datuk Setia Ampat  | Tua orang Jawa        |
| 6. Datuk Dagang Jambi | Tua orang Jambi       |

Dibawah datuk2 yang tersebut diatas tadi ada beberapa ibubapak pula. Mereka ini adalah menjadi tua sesuatu perut didalam suku atau warisnya itu. Selain daripada menjadi wakil bagi perutnya mereka adalah menjadi penolong kepada tua (datuk) suku atau warisnya itu dalam penyelanggaraan dan taburan adat.

"Pecat hidup berkerelaan;  
Pecat mati berkebulatan."

Kesemua jabatan didalam perlombagaan Adat Perpatih adalah dipilih. Ini berdasarkan pusaka dan giliran. Dasar pusaka itu adalah menurut dasar warisan jabatan itu. Misalnya pusaka Undang itu adalah diwarisi oleh Waris yang Tiga, yaitu Waris Ulu Jelebu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Maka salah satu daripada waris yang tiga ini berhak menyandang pusaka Undang itu pada satu ketika.

Dasar giliran itu adalah mengikut aturan yang tertentu bagi menyandang pusaka itu. Misalnya pusaka Undang yang ada sekarang adalah disandang oleh Waris Kemin karena menggantikan Undang yang daripada Waris Sarin yang dahulu. Akan ganti Undang yang ada sekarang pula adalah daripada Waris Ulu Jelebu. Demikianlah keadaan giliran itu diantara Waris yang Tiga itu, satu selepas yang satu mengikut giliran (aturan) yang tertentu.

Lantikan Undang itu telah diterangkan bersama dengan penerangan berkenaan dengan dasar pusaka dan giliran tadi. Ada pun lantikan datuk (tua) suku atau waris itu berdasarkan pusaka dan giliran juga. Tetapi disini pusaka itu terhad

kepada ahli2 suku atau waris yang berkenaan sahaja. Tentang giliran pula, ini terkena kepada perut2 yang ada didalam suku atau waris itu. Ini adalah mengikut giliran yang tertentu juga diantara perut2 itu.

Akan lantikan ibubapak pula, ini adalah berdasarkan pusaka sahaja. Ini adalah karena ahli2 didalam sesuatu perut itu adalah berasal satu. Sebab itulah maka istilah 'perut' itu digunakan untuk memaksudkan kumpulan itu.

"Ada kebulatan menjadikan;  
Tiada kebulatan menyerah."

Kesemua lantikan ini hendaklah dengan sebulat suara (kebulatan). Jikalau ada 'yang 'membangkang lantikan itu maka lantikan itu gugur dengan sendirinya. Jikalau tiada juga mendapat kebulatan maka lantikan itu diserahkan kepada yang diatas — tua kepada Undang, ibubapak kepada tua. Ini adalah karena segala lantikan itu hendaklah dengan kebulatan, karena tiap2 lantikan itu adalah untuk seumur hidup, kecuali jikalau orang yang dilantik melanggar adat itu sendiri.

"Bulat tua memecat Undang;  
Bulat ibubapak memecat tua;  
Bulat anakbuah memecat ibubapak."

Sungguh pun tiap2 lantikan dalam Adat Perpatih itu adalah seumur hidup tetapi kuasa tiap2 seorang yang dilantik ada batasnya. Jikalau ia melampawi batasan ini maka orang2 yang dibawahnya berkuasa memecatnya dengan cara kebulatan juga. Pendek kata orang yang dilantik itu tiadalah boleh membuat sekehendak hatinya kecuali mengikut kehendak adat juga.

Dari penerangan berkenaan dengan perlombagaan Adat Perpatih tadi didapati bahwa adat itu adalah bercorak Demokrasi. Sebab itulah maka ahli penyiasat ilmu kejadian manusia pernah mengatakan berkenaan dengan Adat Perpatih bahwa adat itu adalah Demokratik tetapi Oligarkik. Ini adalah karena orang2 yang membawa Adat Perpatih itu percaya bahwa orang2 yang dilantik itu adalah dipilih oleh Tuhan.

"Patah tumbuh, hilang berganti."

Ada pun giliran Undang Luak Jelebu yang ketujuh belas itu jatuhnya kepada Datuk Mendika Menteri Ahir Zaman Shahmaruddin bin Haji Abdul Rahman. Beliau adalah dari Waris Kemin, Perut Teriang yang telah dipilih untuk menyangdang pusaka Undang itu pada 30 Oktober, 1945. Inj adalah

mengikut giliran pusaka Undang itu karena menggantikan Almarhum Undang Datuk Abdullah, dari Waris Sarin yang telah berlalu pada 11 August, 1945.

Sebelum istiadat tabal itu dijalankan ada beberapa persiapan untuk istiadat itu yang patut diperbuat. Ini adalah berupa balay2 istiadat dan binaan2 yang berkaitan dengan istiadat tabal itu selain daripada bangunan2 yang bersangkutan dengan perayaan istiadat itu seperti kemah untuk tetamu yang datang menyaksikan istiadat itu dan penanggah dan pangkin untuk memasak dan tempat hidangan makan iaitu untuk orang2 yang datang kerana perayaan dan istiadat itu. Juga binaan pintu gerbang yang bertiangkan batang pinang dihadapan Telaga Undang itu yang beratapkan daun enaw yang beranyam dan berbentuk kesenian Melayu.

Ada pun balay2 dan binaan yang berkaitan dengan istiadat tabal itu adalah seperti berikut:

B1. **Balay Mengadap:**

Balay ini adalah mengadap kepada Balay Penghadapan (B5) yang dibina oleh anakbuah Datuk Menteri dan Lembaga2. Disinilah duduknya datuk2 itu beserta dengan anakbuah mereka selama istiadat tabal itu berjalan.

B2. **Balay Rung:**


Balay Rung ini adalah potongan daripada perkataan Balay Serong. Serong itu adalah menunjukkan kedudukan balay itu berbandingan dengan balay2 istiadat yang lain. (Lihat rajah). Ini adalah dibina oleh anakbuah Datuk Umbi sendiri untuk kediaman datuk itu beserta dengan anakbuahnya selama istiadat tabal itu dijalankan.

B3. **Balay Melintang:**

Seperti Balay Rung diatas melintang itu adalah menunjukkan kedudukan balay itu juga. Ini adalah selari dengan kedudukan Balay Mengadap (B1) dan Balay Penghadapan (B5). Balay ini dibina oleh anakbuah Waris yang Tiga dan Datuk Raja di-Raja untuk kediaman mereka dalam masa menyaksikan istiadat dan perayaan Tabal itu.

B4. **Balay Pengiring:**

Seperti Balay Rung dan Balay Melintang juga nama balay itu adalah menunjukkan kedudukannya yaitu mengiring. Ini adalah dibina oleh anakbuah Datuk Shahbandar dan datuk2 dagang untuk tempat tinggal mereka selama istiadat tabal itu dijalankan.



Rajah 2

B5. Balay Penghadapan:

Balay ini adalah mengadap dan seajar dengan Balay Mengadap (B1). Ianya adalah dibina oleh orang2 dari semua kumpulan adat. Selama istiadat berjalan balay ini adalah ditunggui oleh juak2 Undang sepuluh itu kecuali tetakala mereka menjalankan kewajipan diluar Balay Penghadapan itu. Disinilah terletaknya tempat mengadap yang bertingkat lima itu. (Lima adalah bilangan tingkat kebesaran Undang.)

Kesemua balay2 ini adalah dibina dari anak2 kayu dan buluh yang diambil dari hutan dan papan dan beratapkan atap daun rumbia; kecuali Balay Penghadapan yang bertiangan batang pinang.

6. 'Ngulang2':

Ini adalah tempat bersiram bagi Undang itu dalam istiadat berlimaw langir. Duduknya binaan ini adalah sejauh lebih kurang 4 atau 5 ratus elai dari Telaga Undang itu. Kedudukan ini adalah berdekatan dengan Sungay Teriang (ayer). Ini adalah karena istiadat bersiram yang dijalankan pada masa dahulu adalah mencuci badan ('siram'). Tetapi sekarang istiadat itu diringkaskan kepada berlimaw langir saja sebagay isharat saja.

Ngulang2 ini adalah bertingkat lima dan empat perseggi bentuknya. Pada tiga penjurunya adalah dipagari dengan jari2 lipan yang dianyam daripada daun kelapa. Ada pun kedudukannya yang begitu jauh adalah karena orang2 yang mempunyai pusaka Undang itu ingin mengusung Undang mereka dengan sepantas-puasnya.

7. Usungan:

Ini adalah kenaikan Undang itu dalam masa pergi dan balik dari tempat bersiram karena menjalankan istiadat bersiram atau berlimaw langir itu. Binaan ini diperbuat kesemuanya daripada batang pinang dan bertingkat lima juga seperti tempat mengadap dan Ngulang2 tadi.

Kesemua binaan yang berkaitan dengan istiadat tabal Undang itu sendiri selain daripada mempunyai tingkat yang lima adalah dihiasi dan diselimuti kesemuanya oleh kain kuning. (Kuning adalah warna kebesaran Undang itu).

Pekerjaan membuat segala persiapan untuk istiadat tabal itu telah dimulakan pada 13 Juli, 1957. Mulai dari hari itu sampai kepada hari istiadat tabal itu sendiri dimula-

kan, pada tiap2 hari ada sahaja orang datang ke Telaga Undang itu untuk membuat pekerjaan persiapan itu. Mereka itu adalah mewakili kumpulannya karena memberi sumbangan terhadap persiapan istiadat tabal itu sebagai penduduk Luak Jelebu. Pagi2 lagi mereka telah meninggalkan rumah dan balik pada sebelah petangnya. Selama mereka bekerja di Telaga Undang itu mereka adalah ditanggung makan dan minum sahaja. Mereka itu datang adalah bergilir-gilir. Pendek kata kesemua penduduk Luak Jelebu telah mengambil bahagian dalam penyelenggaraan persiapan istiadat tabal yang berisi alatan kebesaran suku atau waris mereka dan juga bersejarah itu.

Beberapa hari sebelum istiadat tabal itu dimulakan orang telah mula datang ke Telaga Undang itu dengan bungkusan yang berisi alatan kebesaran suku atau waris mereka dan juga pakayan mereka untuk selama istiadat itu berjalan. Kebanyakan mereka ini datang dari jauh dan telah meninggalkan rumah tangga mereka berkumpul di Telaga Undang itu untuk menyaksikan atau mengambil bahagian didalam istiadat itu.

Istiadat tabal adalah sekali sahaja diadakan (Jikalau ada) didalam riwayat hidup seseorang Undang itu. Ada pun istiadat yang dulu untuk Almarhum Undang Datuk Abdullah telah diadakan pada tahun 1905, di Kenaboy. Alangkah lamanya berselang baru satu lagi istiadat itu diadakan lagi. Sebab itulah maka kebanyakan penduduk Luak Jelebu itu berani meninggalkan rumah tangga mereka karena pergi menyaksikan istiadat yang bersejarah itu, yang jarang dijumpai. Cuma sebahagian yang sangat kecil daripada orang2 yang hadir pada hari istiadat tabal ini yang telah juga menyaksikan istiadat yang telah diadakan di Kenaboy itu.

Sebelum istiadat tabal itu dijalankan ada beberapa istiadat adat resam yang harus dijalankan pula. Ini adalah berupa pengasapan tempat mengadap dan memberi makan masak mantah kepada Tuk Bauk.

Pengasapan tempat mengadap itu diadakan pada malam 27 Juli. Ini dimulakan pada lebih kurang pukul 9 malam itu. Istiadat ini diselenggarakan oleh seorang puyang (Tuk dukun) dan dihadiri oleh segala datuk2 dan juga Undang dan disaksikan oleh orang banyak. Istiadat ini adalah dijalankan mengikut kepercayaan orang bahwa tiap2 yang baru, dibina, terutama tempat mengadap yang mengambil bahagian yang penting didalam istiadat tabal itu, hendaklah diasap dengan kemuyan dan dibacakan doa tolak bala.

Istiadat yang satu lagi ialah memberi makan kepada Tuk Bauk dimakam. Ini dijalankan pada malam 28 Juli pula mulai dari pukul 9 malam juga. Dalam istiadat ini dua orang tua, seorang laki2 dari Waris Datuk Umbi dan seorang perempuan dari Waris Datuk Menteri telah mengambil bahagian. Mereka berdua telah membawa daging pilihan dari potongan kerbau pada petang itu kemakam yang berdekatan dengan Telaga Undang itu. Istiadat ini telah disaksikan oleh datuk2 dan Undang dan juga orang banyak.

Tuk Bauk itu adalah satu daripada puaka atau penjaga Luak Jelebu. Dalam istiadat tabal yang begitu penting maka puaka itu patutlah diberitahu dan dijamu seperti dibuat kepada anak negeri penduduk Luak Jelebu — jamuan negeri, bersimah rakyat. Ada orang mengatakan bahwa sesiapa yang melihat akan Tuk Bauk ini maka hidup orang itu akan sejahtera.

Kedua-dua istiadat ini dan juga istiadat yang dijalankan pada petang hari yang pertama itu — menziarah makam Almarhum Undang Datuk Abdullah — adalah penting mengikut adat resam Luak Jelebu.

Ada pun istiadat tabal Undang Luak Jelebu itu dimulakan pada 29 Juli. Pada pagi itu lebih kurang pada pukul 9.30 pagi maka alatan kebesaran semuanya mula dipasangkan.

Di Balay Penghadapan selain daripada tabir dan langit2 dan tempat mengadap yang dibalut dengan kain kuning adalah dihiasi dengan

- (i) tilam pandak yang bertekat dan bersulam dengan bunga dan benang emas. Diatasnya terletak tikar pandak yang berkelinkan kain berwarna.
- (ii) dibelakang tilam pandak itu berbantal gedang yang bergelar 'Gunung Berangkat' yang bersilang gunting dan berpucuk rebungkan kain sutera halus yang indah2.
- (iii) dilangit-langitnya tergantung 6 kain menyelampay (3 di kiri dan 3 di kanan) dan 3 lebih mengirap di antara dua baris kain menyelampay itu.

Kesemua ini adalah alatan kebesaran tempat (mengadap) Undang.

Dihalaman balay2 istiadat pula — dikiri dan kanannya berdekatan dengan Balay Mengadap dan Balay Penghadapan

— tersisip pada tempatnya (erak) senjata2 yang terhunus seperti

- S1. sebilah terapang pedang yang bermata dua.
- S2. sebilah keris panjang
- S3. sebilah keris pendek

dan S4. sebilah pedang.

Disebelah dalam senjata2 itu tercacak tegak (matanya ke atas) dua lembing benderang (L) yang terhunus juga dan berambukan rambut yang bewarna perang. Kedua-dua lembing ini dinaungi oleh dua payung yang satu bewarna kuning kehijau-hijawan (P1) dan yang satu lagi bewarna kuning ke-merah-merahan. Disebelah luar senjata2 tadi terdiri sebaris panji2 dan ular2 seperti

U1. Tetungkul	panji yang empat segi dan hitam warnanya
U2. Sepak	ular2 yang bercabang lima dan bewarna kuning, putih, merah, putih dan hitam.
U3. Memuay	ular2 yang bercabang dua dan putih warnanya
U4. Pajar Menyinsing	ular2 yang bercabang dua dan bewarna kuning dan putih.
U5. Cecawi	ular2 yang bercabang dua dan hitam warnanya.

Ular2 ini adalah 'bendera' yang bercabang-cabang dan tiap2 cabang tirus kehujung dan bewarna satu (streamers dalam bahasa Inggerisnya). Pada hujung tiap2 cabang itu berambukan warna pangkalnya, kecuali Cecawi yang berambukan warna hijau, hitam dan merah.

Ada pun alatan kebesaran tempat datuk2 seperti Datuk Menteri (Balay Mengadap), Datuk Umbi (Balay Rung), Datuk Maharaja Inda (Balay Melintang) dan Datuk Shahbandar (Balay Pengiring) pula adalah tikar pandak berkelin dengan kain bewarna dan bantal besar yang bersilang gunting, sementara diatasnya (dilangit-langit) tergantung 4 kain menyelampay dan satu lebih mengirap yang terletak diantara kain2 menyelampay itu; selain daripada perhiasan seperti kain tabir dan langit2.

Setelah siap terpasang segala alatan kebesaran itu maka tembakan meriam dari Angkatan Meriam Diraja, Singapura

sebanyak sembilan kali dimulakan. Ini adalah menandakan bahwa istiadat tabal sudah dimulakan.

Pada pukul 11.00 pagi itu istiadat bersiram yang penting didalam istiadat tabal itu dimulakan. Undang Jelebu dan isterinya (duduk dikirinya) telah menaikki usungan kuning yang disediakan untuk membawanya ketempat bersiram (Ngulang2). Usungan itu adalah dikawali oleh sepasukan Polis selain daripada juak2 yang sepuluh dengan senjata mereka terhunus dan datuk2 dan diiringi oleh orang banyak. Dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat bersiram itu usungan itu adalah dikandar oleh tidak kurang daripada 40 orang (berganti-ganti) pada sekali mengadar. Semasa melalui pintu gerbang dihadapan Telaga Undang itu maka usungan itu ditatang karena pintu itu tiada membenarkan usungan itu dipikul. Dalam perjalanan itu Undang dan isterinya adalah dipayungi oleh dua payung yang bewarna kuning kemerah-merahan dan diarak dengan lagu nashid oleh murid sekolah2 Ugama, Jelebu.

Mendahului usungan itu berjalan sekumpulan kaum ibu yang digelarkan seka. Mereka adalah mewakili jenisnya dari suku atau warisnya sendiri. Kesemuanya membawa dulang2 yang berisi dengan alatan kelengkapan untuk istiadat yang akan dijalankan itu. Seka Datuk Menteri membawa abu setalam dan seka Datuk Umbi membawa umbi pisang sebatang — dari akar2 dan umbinya sampay kepada batang, daun dan pucuknya sekali. Yang lainnya pula membawa dulang2 yang berisi kelengkapan seperti tepung tawar, limaw langir, daun sipulih dan lain2 lagi yang perlu untuk istiadat bersiram yang akan dijalankan itu.

Perkara2 yang dibawa oleh seka2 Datuk Menteri dan Datuk Umbi itu adalah menunjukkan peranan yang diambil oleh datuk2 itu dalam istiadat tabal itu dan juga dalam perlembagaan Luak Jelebu.

Gelaran Datuk Menteri Sah Memangku Alam Raja Sehari adalah menunjukkan bahawa datuk itu adalah memangku kuasa Undang itu jikalau Undang itu tiada. Dalam perlembagaan Luak Jelebu pula datuk itu adalah menjadi tali adat yang berkuasa memutus dan membincangkan perkara berkenaan dengan adat dengan pertolongan dari Lembaga2 yang dibawahnya jikalau perlu. Ada pun abu setalam itu mengibaratkan alam yang dipangkunya dan juga tanah yang telah disediakan untuk menanam benih yang baik (Undang yang dipilih) dalam istiadat tabal itu.

Akan Datuk Umbi pula adalah menjadi tali pusaka dalam perlumbagaan Luak Jelebu. Disini datuk itu berkuasa menentukan sama ada orang2 yang dicalunkan untuk menyandang pusaka Undang itu layak atau tidaknya dari salasilah dan pendirian orang itu. Inilah peranan yang diam-bilnya dalam lantikan Undang itu. Ada pun umbi pisang sebatang itu menunjukkan bahwa benih (pusaka Undang) itu tidak mati tetapi hidup terus menerus seperti serumpun pisang. Ini adalah sejajar dengan maksud istiadat menzi-arah makam Almarhum Undang Datuk Abdullah yang dibuat pada petang hari itu.

"Raja berdawlat, Undang berandika."

Setelah sampay ditempat bersiram maka Undang itu pun duduk bersila diatas tikar pandak yang sudah siap sedia disitu dengan isterinya duduk disebelah kirinya dan dikapit dibelakang oleh seka Datuk Majinda (waris Undang) dan seka Datuk Umbi (waris isterinya). Maka istiadat bersiram itu dimulakan oleh Datuk Menteri. Dari dulang yang berisi kelengkapan istiadat itu yang terletak dihadapan isteri Undang itu maka datuk itu telah mencecah dengan jarinya beberapa perkara yang didalamnya dan kemudian mengenakan jari yang dicecahkan itu kapada keping Undang pula. Apabila terkena sahaja jarinya keping Undang itu maka alamat tembakan meriam sebanyak sembilan kali dimulakan. Ini adalah menandakan bahwa istiadat bersiram itu sudah dimulakan. Lepas Datuk Menteri itu diikuti pula oleh Lembaga2 seperti Datuk Ngiang, Datuk Cincang dan Datuk Senara. Istiadat ini disambut pula oleh Datuk Umbi dan diikuti oleh Waris yang Tiga yaitu Datuk Raja Balang, Datuk Paduka dan Datuk Majinda. Mereka yang mengambil bahagian itu adalah 'Orang Lapan' yang juga berkuasa melantik Undang itu.

Pada sebelah petangnya, pada pukul 2.30, istiadat mengadap oleh orang2 dagang dijalankan. Sebelum istiadat mengadap itu dimulakan maka ketua juak2 (Laksamana) mengurak sila karena pergi ke Telaga Undang untuk mempersilakan Undang itu ke Balay Penghadapan untuk istiadat itu. Perjalanan ke Balay Penghadapan itu adalah didahului oleh Laksamana dan apabila sampay dibalay itu maka Undang itu pun naik keatas singgahsananya yang bertekat dan bersulam bunga dan benang emas itu. Maka istiadat mengadap dimulakan oleh Datuk Shahbandar, pucuk bulat Waris diayer. Ada pun cara dan aturan mengadap itu adalah seperti berikut:

Orang yang hendak mengadap itu duduk bersela dibawah singgahsana mengadap kepada Undang yang diatasnya.

Maka orang itu mengangkat sembah dengan membawa kedua tangan dari lututnya kepaha dan terus kedahi dengan kedua belah tapak tangannya bertemu dan ibu jarinya terletak diantara bulu keningnya. Dalam keadaan demikian orang itu menundukkan kepalanya sedikit. Lepas itu tangan itu dijatuhkan dengan tertibnya keatas lututnya — tempat mula2.

Setelah sudah mengangkat sembah tadi maka orang itu memegang lutut kanannya dengan tangan kiri dan jari kaki kanannya dengan tangan kanan yang melalui sebelah atas tangan kirinya. Kemudian kaki kanannya dibawa kebelakang kepada kedudukan orang berselimpuh dengan tangan kanan menutup jari kakinya. Setelah siap duduk berselimpuh, duduk istiadat, maka istiadat mengadap dimulakan. Ini dimulakan dengan mengangkat sembah seperti diatas tadi. Setelah itu maka kedua tangannya dimajukan kehadapan pada tingkat pertama (tempat mengadap itu) dengan jari kirinya menghala kehadapan dan jari kanannya kebelakang. Dengan bertelekankan diatas kedua tangannya itu maka orang itu membawa badannya keatas tingkat yang pertama itu dengan tidak mengubah duduknya. Setelah tetap duduknya maka orang itu mengangkat sembah lagi dan diikuti dengan membawa badannya ketingkat kedua dan selanjutnya. Sampay di tingkat ketiga maka orang itu mengangkat sembah lagi dan kemudianya menundukkan badannya kehadapan dengan bertelekan pada tingkat keempat karena mencium tangan Undang yang dihulurkannya itu. Perbuatan yang demikian diturut sekali lagi. Lepas itu maka orang itu mengangkat sembah sekali lagi dan kemudian mengundurkan dirinya setingkat demi setingkat kebelakang sampay kepada tempat mula2nya dengan mengangkat sembah pada tiap2 tingkat.

Setelah sampay pada tempat mula2nya maka orang itu mengangkat sembah sekali lagi. Lepas itu maka tangan kanannya memegang lutut kanannya dan tangan kirinya memegang jari kaki kanannya. Maka kedudukan berselimpuh itu diubahnya kepada duduk bersela yang asal. Setelah duduk bersela maka orang itu mengangkat sembah sekali lagi, kemudian menundukkan kepalanya pula. Lepas itu barulah ia bangun dari duduknya dan berundur kebelakang dalam dua tiga tapak sebelum menyimpang untuk berlepas dari tempat mengadap itu.

Demikianlah caranya orang mengadap Undang itu. Dalam menjalankan istiadat mengadap itu suatu perasaan pun tiada

diterakan dimuka dan tiap2 gerak geri adalah bersopan santun dan berlemah lembut.

Setelah selesai Datuk Shahbandar mengadap maka tiba-lah giliran datuk2 dagang. Mereka itu mengadap dengan serentak bersama-sama yaitu cuma seorang sahaja yang naik tangga tempat mengadap untuk mencium tangan Undang, sebagay wakil. Sementara itu yang lain duduk sahaja dibawah singgahsana dengan tidak bergerak kecuali masa mengangkat sembah yang dibuat bersama-sama dengan orang yang menaiki tangga tempat mengadap itu. Cara ini adalah dibuat untuk meringkaskan istiadat mengadap itu. Jika-law tidak akan memakan masa yang panjang.

Lepas itu tiba-lah giliran penghulu2 mukim pula. Mereka berbuat seperti cara datuk2 dagang juga. Ada pun termasuknya penghulu2 mukim itu didalam istiadat mengadap itu bukanlah mengikut perlombagaan Adat Luak Jelebu, tetapi karena orang yang menjawat jabatan itu adalah dengan persetujuan Undang itu.

Lebih kurang pada pukul 4.00 petang itu Undang diiringi oleh beberapa orang termasuk juak2 yang sepuluh, Datuk Menteri yang mewakili Lembaga2, Datuk Umbi yang mewakili Waris yang Tiga dan Tuan Kadi Jelebu telah berlepas dengan kereta dari Telaga Undang karena menuju ke Bandar Tinggi, yang sejauh lebih kurang 3 batu. Ini adalah karena menziarah makam Almarhum Undang Datuk Abdul-rah. Dalam istiadat ini Undang telah mengucup batu nesan makam itu sebagay memenuhkan tugasnya seperti kata perbilangan

“Undang mati, Undang mananam.”

Pada masa dahulu apabila seorang Undang itu meninggal dunia maka jenazahnya belum boleh dikebumikan selagi gantinya belum dicari. Apabila gantinya sudah didapat barulah Undang yang mati itu ditanamkan oleh Undang yang baru dipilih itu. Oleh peredaran masa maka perbuatan yang demikian tiada diikuti lagi. Istiadat itu digantikan dengan seorang kanak2 dari Waris Datuk Menteri menaikki kerenda Undang yang mati itu dalam perjalannya ketempat perkuburan. Ini adalah berkaitan dengan kuasa Datuk Menteri itu.

Ada pun besertanya Tuan Kadi Jelebu didalam istiadat itu adalah untuk membaca tahlil dan doa aruah pula.

Pada hari kedua pula istiadat mengadap oleh suku2 dan waris2 dalam Luak Jelebu dijalankan. Ini dimulakan pada

pukul 9.00 pagi setelah bergambar beramay-ramay. Istiadat itu dimulakan dengan Laksamana (ketua juak2) dan Datuk Majinda (haluan sembah, titian ke Balay) mengorak sela karena menjemput Undang ke Balay Penghadapan untuk istiadat mengadap itu. Dalam perjalanan ke Balay Penghadapan itu Laksamana dan Datuk Majinda adalah mendahului dan dirungi oleh Tuan Pegaway Jajahan dan ketua Askar Melayu dengan pedangnya yang terhunus. Mereka itu adalah melalui barisan kehormat yang diadakan oleh sepasukan Askar Melayu, dari Battalion yang ketujuh yang bertempat di Jelebu. Apabila sampay dibalay itu maka Undang pun naik keatas singgahsananya dengan dikapit di kanan dan kirinya oleh Tuan Pegaway Jajahan dan ketua Askar Melayu tadi, selain daripada juak2nya sendiri yang memegang senjata2 yang terhunus seperti keris, pedang, leming dan tombak. Akan Datuk Majinda pula, apabila selesay duduknya Undang itu, maka pergilah ia ke Balay Mengadap untuk memberi tahu Datuk Menteri bahwa Undang telah siap sedia di Balay Penghadapan. Maka Datuk Menteri tampil kehadapan Undang karena memulakan istiadat mengadap itu. Apabila Datuk Menteri itu mula sahaja mengangkat sembah maka alamat tembakan meriam sebanyak sembilan kali dimulakan untuk menandakan bahwa istiadat mengadap sudah dimulakan.

Ada pun giliran mengadap pada hari kedua itu adalah seperti berikut:

Datuk Menteri\*  
Datuk Ngiang\*  
Datuk Cincang\*  
Datuk Senara\*  
Datuk Amar Penghulu  
Datuk Lela Angsa  
Datuk Umbi\*  
Datuk Raja Balang\*  
Datuk Paduka\*  
Datuk Majinda\*  
Datuk Raja di-Raja

Ada pun datuk2 yang bertanda \* itu adalah menjadi 'Orang Lapan'.

Kemudian itu diikuti pula oleh ibubapak datuk2 yang tersebut diatas seperti

Ibubapak2 Waris Datuk Menteri  
Ibubapak2 Lembaga Suku Mungkal (Datuk Ngiang)  
Ibubapak2 Lembaga Suku Tanah Datar (Datuk Cincang)  
Ibubapak2 Lembaga Suku Batu Belang (Datuk Senara)  
Ibubapak2 Lembaga Suku Biduanda, Ulu Klawang  
(Datuk Amar Penghulu)  
Ibubapak2 Lembaga Suku Tiga Batu  
Ibubapak2 Waris Datuk Umbi  
Ibubapak2 Waris Ulu Jelebu (Datuk Raja Balang)  
Ibubapak2 Waris Sarin (Datuk Paduka)  
Ibubapak2 Waris Kemin (Datuk Majindra)  
Ibubapak2 Lembaga Sarin (Datuk Raja di-Raja)

Lepas itu tibalah giliran seka2 pula. Ini adalah seperti berikut:

Seka Datuk Menteri  
Seka Datuk Ngiang  
Seka Datuk Cincang  
Seka Datuk Senara  
Seka Datuk Amar Penghulu  
Seka Datuk Lela Angsa  
Seka Datuk Umbi  
Seka Datuk Raja Balang  
Seka Datuk Paduka  
Seka Datuk Majinda  
Seka Datuk Raja di-Raja

Dan akirnya tibalah giliran Tuan Kadi Jelebu.

Dalam menjalankan istiadat mengadap pada hari yang kedua ini maka cuma ibubapak2 sahaja yang harus membuat cara yang dijalankan oleh datuk dagang dan penghulu2 mukim pada hari yang pertama itu. Ini adalah karena bila nisan bagi tiap2 datuk itu adalah lebih daripada satu. Akan seka pula mereka tiada memulakan istiadat mengadap dengan duduk bersela tetapi terus duduk berselimpuh seperti telatah kaum ibu.

Sesudah sahaja istiadat mengadap itu maka Laksamana pun mengorak sela untuk mempersilakan Undang balik ke

Telaga Undang karena istiadat mengadap itu sudah tamat. Apabila sudah selesai istiadat mengadap itu maka Cecawi, satu daripada ular2 yang berdekatan dengan Balay Mengadap dicabutkan karena menandakan bahwa istiadat mengadap sudah selesai.

Pada sebelah petangnya, pada pukul 2.30, istiadat mengadap isteri Undang pula dijalankan. Dijalankan di Telaga Undang (serambi rumah itu). Sebelum istiadat mengadap itu dijalankan maka Laksamana telah mengorak sela karena mempersilakan isteri Undang (Encik) keluar untuk dihadap. Ada pun cara dan aturan istiadat mengadap ini adalah serupa dengan yang dijalankan pada pagi itu tetakala mengadap Undang, kecuali tiada tembakan meriam dan tempatnya tidak bertingkat-tingkat. Apabila selesai sahaja istiadat mengadap maka Laksamana mengorak sela karena mempersilakan Encik masuk karena istiadat mengadap sudah selesai.

Hari yang ketiga ialah hari Jamuan Istimewa yang diberi oleh datuk2 kepada tetamu kehormat termasuk Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan dan Tengku Ampuan beserta dengan Undang yang Empat yang lain dan juga Datuk Menteri Besar, Negeri Sembilan. Selepas jamuan yang dimulakan pada pukul satu lebih itu maka majlis sharahan dimulakan oleh Datuk Menteri (tali adat) sebagai ucapan mengalu-ngalukan kedatangan tetamu dan menerangkan kepada mereka akan perkara yang sedang dijalankan itu. Lepas itu diikuti oleh sharahan2 dari wakil2 seperti kaum2 dalam Jelebu, guru2 sekolah Melayu, Majlis Ugama Jelebu dan Penghulu2 Mukim yang telah memberi sumpah taat setia mereka dan juga doa selamat kepada Undang datuk itu. Kemudian maka pertunjukan kesenian Melayu seperti main gasing dan silat pancak ditunjukkan kepada tetamu kehormat. Apabila selesai sahaja pertunjukan ini maka mereka pun pulang.

Pada pukul 4.30 petang maka alatan kebesaran mula dibuka. Setelah siap terkemas segala alatan kebesaran itu maka tembakan meriam sebanyak sembilan kali dijalankan. Ini adalah menandakan bahwa istiadat tabal sudah selesai. Maka orang banyak pun mulalah berpulangan kerumah tangga mereka yang telah ditinggalkan selama lebih kurang tiga hari itu karena mengikut acara2 istiadat tabal yang bersejarah itu.

Sepanjang perjalanan istiadat tabal itu maka adalah didapati bahwa mereka yang mengambil bahagian didalamnya adalah berpakayan istimewa. Ini adalah berupa pakayan Melayu seperti seluar, baju dan kain samping yang ber-

macam2 warna dan berdastar dan bersisip keris dipinggang. Ada pun dastar2 itu kebanyakannya adalah diperbuat dari kain batik selain dari kain tenunan pantay Timur. Buat juak2 Undang yang sepuluh pula mereka adalah memakay pakayan seragam berwarna hitam yang mengandungi seluar, baju, kain samping dan dastar. Akan kaum ibu pula mereka adalah memakay kain tenunan pantay Timur sebagai sekemban diluar pakayan mereka dan tiada bertudung kepala kecuali dalam perjalanan waktu menjalankan istiadat bersiram. Kesemua pakayan ini adalah jarang dipakay kecuali pada ketika yang seperti istiadat tabal itu.

Sungguh pun istiadat tabal sudah selesai tetapi kesan2nya masih ada. Selain daripada bekas2 akibat dari perjalanan istiadat tabal itu maka keinginan untuk mengetahui dengan teliti akan adat yang telah lama terpendam itu timbul semula dikalangan sebahagian dari orang2 yang mempunyai adat itu. Ini adalah berbangkit dari keadaan di Malaya sekarang. Juga beberapa badan yang mengambil berat berkenaan dengan kebudayaan Melayu telah mengantarkan wakil2 mereka untuk membuat siasatan berkenaan dengan istiadat tabal yang baru sudah dijalankan itu. Sama ada mereka berjaya dalam tugasnya belumlah dapat diketahui.

Pehak penulis ingin menerangkan keistimewaan Perlombongan Luak Jelebu itu. Ini adalah bersangkutan dengan adanya jabatan datuk2 orang dagang didalamnya. Setahu penulis bahwa jabatan2 ini adalah baru dan tiada didapati didalam perlombogannya yang lama. Ada pun pada masa dahulu tiap2 orang dagang adalah diharuskan mengkadimkan diri mereka kepada sesuatu suku atau waris supaya suku atau waris itu boleh menjaga keselamatan terhadap dirinya semasa mereka berada didalam sesuatu daerah itu. Dengan adanya datuk orang dagang itu maka mereka tiada lagi bersusah payah mengkadimkan diri mereka karena ada orang yang bertanggung jawab atas diri mereka jikalau mereka memberitahu akan kehadiran mereka didalam daerah itu.

Pernah juga penulis mendengar bahwa semasa orang2 Cina mula datang ke Jelebu karena menjadi kuli dilombong-lombong bijih maka seorang ketua yang digelar Kapitan Cina adalah dilantik untuk menjadi wakil mereka kepada pemerintahan negeri dan pemerintahan adat Jelebu. Kapitan Cina ini adalah menjadi orang tengah dalam perkara2 bersangkutan dengan kaum2 Cina pada masa itu. Sama ada jabatan ini dilanjutkan penulis tiada dapat menentukannya. Pada pendapat penulis bahwa yang telah dijalankan itu adalah dan bercorak Demokrasi. Dengan memilih seorang wakil bagi tiap2 kaum maka suatu perlombongan yang praktis